



# KENYATAAN MEDIA

## JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN



### SARANAN MENGANJURKAN SOLAT HAJAT DAN DOA UNTUK KESEJAHTERAAN MALAYSIA

**KUALA LUMPUR, 21 Disember 2022** - Berdasarkan perkembangan terkini musibah banjir yang melanda negara khususnya negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) menyarankan agar semua masjid, surau Jumaat dan surau di seluruh Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan menganjurkan solat Hajat selepas solat Maghrib pada 22 Disember 2022 (Khamis) dan selepas solat Jumaat pada 23 Disember 2022 bagi memohon perlindungan Allah SWT dan keselamatan untuk negara Malaysia dari sebarang musibah.

Selain itu, masjid dan surau Jumaat di Wilayah-Wilayah Persekutuan juga telah digerakkan bagi mengadakan Kutipan Jumaat serta menghulurkan bantuan dan keperluan bersesuaian melalui Skwad Musaadah agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk disampaikan kepada golongan yang terkesan.

Kami mendoakan agar dikurniakan keselamatan dan kemudahan kepada semua pasukan penyelamat serta ketabahan buat semua saudara kami yang diuji dengan musibah.

Sekian, terima kasih.

**DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL**

Pengarah

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

21 Disember 2022

**JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN,**

KOMPLEKS PUSAT ISLAM, 50676 JALAN PERDANA, KUALA LUMPUR

TEL : +603-2274 9333 FAKS: +03-2273 1575 E-MEL : [aduan@jawi.gov.my](mailto:aduan@jawi.gov.my)

HOTLINE PENGUATKUASAAN 1-800-88-1771



[www.jawi.gov.my](http://www.jawi.gov.my)

